# Awang Abdull Muin, Dayangku Fauziah Nadhirah juara Musabaqah IPT Serantau

**Oleh : Haniza Abdul Latif**
**Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah**







**MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman menyampaikan hadiah kepada johan qari Musabaqah Tilawah Al-Quran Institusi Pengajian Tinggi Serantau sempena Mahrajan Hafl Al-Takharruj Ke-9 Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) iaitu Awang Abdull Muin bin Haji Abd. Hamid dari UNISSA dan johan qariah Dayangku Fauziah Nadhirah binti Pengiran Haji Jofri dari Universiti Brunei Darussalam.**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 26 Ogos. - Awang Abdull Muin bin Haji Abd. Hamid dari Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan Dayangku Fauziah Nadhirah binti Pengiran Haji Jofri dari Universiti Brunei Darussalam (UBD), masing-masing muncul juara qari dan qariah Musabaqah Tilawah Al-Quran Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Serantau sempena Mahrajan Hafl Al-Takharruj Ke-9 UNISSA.

Pada musabaqah yang berlangsung di Dewan Persidangan Utama, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas itu, naib juara bagi Kategori Qari disandang oleh Muhammad Umar Syazuli bin Mohd. Tahir dari Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), manakala tempat ketiga, Awang Muhammad Nur Asymawi bin Awang Asli dari Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB).

Sementara itu, naib juara bagi Kategori Qariah dimenangi oleh Siti Aisyah binti Baain dari USIM dan Ning Majidatul Wahidah binti H. Abd Wahid Fauzi Sirot dari Universitas Islam Malang (UNISMA) mendapat tempat ketiga.

Hadir selaku tetamu kehormat, seterusnya menyampaikan hadiah kepada para pemenang, Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman.

Musabaqah Tilawah Al-Quran pada tahun ini menjemput penyertaan IPT rantau Asia Tenggara, antaranya USIM, UNISMA, Fatoni University, Thailand, manakala Negara Brunei Darussalam pula diwakili oleh para peserta daripada UBD, KUPU SB, Universiti Teknologi Brunei (UTB), Politeknik Brunei (PB) dan UNISSA selaku tuan rumah.

Antara tujuan Musabaqah Tilawah Al-Quran tersebut diadakan bagi memupuk semangat para belia dan generasi baharu agar sentiasa membekalkan diri dengan ilmu Al-Quran, di samping mendukung hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadikan negara ini sebagai sebuah Negara Zikir.

Selain itu, ia juga untuk melahirkan qari dan qariah baharu yang berkualiti juga berkemampuan daripada kalangan pelajar IPT sebagai salah satu cara berdakwah untuk mendalami ilmu Al-Quran dan merealisasikan hasrat UNISSA yang menjunjung Al-Quran sebagai asas bagi kewujudan sebuah Universiti Islam tulen bertaraf antarabangsa yang progresif juga dinamik.

Hadir sama pada majlis tersebut, Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal; Setiausaha-setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan; Timbalan Setiausaha Tetap; Naib Canselor UBD; dan Pemangku Naib Canselor UTB.

# Lapan MPK sertai Ekspo Jualan 1K1P dan Rakan Seliaan 2019

**Berita dan Foto : Saerah Haji Abdul Ghani**





**AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon (dua, kiri) selaku Penghulu Mukim Berakas 'B' hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya merasmikan Ekspo Jualan 1K1P dan Rakan Seliaan 2019 (kiri). Sementara gambar kanan, sebahagian produk 1K1P yang dijual pada ekspo tersebut.**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 26 Ogos. - Ekspo Jualan 1K1P dan Rakan Seliaan 2019 dihasratkan untuk mempergiatkan lagi perekonomian bukan sahaja perekonomian pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana tetapi juga pengusaha-pengusaha Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK) di Daerah Brunei dan Muara (DBM) dan Rakan Seliaan, Jabatan Penjara.

Sebanyak lapan Majlis Perundingan Kampung (MPK) menyertai ekspo jualan tersebut terdiri dari MPK Kapok, MPK Putat, MPK Lambak Kiri, MPK Sungai Bunga, MPK Rancangan Perumahan Negara Mengkubau, MPK Masjid Lama, MPK Limau Manis dan MPK Bebuloh.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya merasmikan ekspo yang berlangsung di Dewan Muhibbah, Jabatan DBM ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon selaku Penghulu Mukim Berakas 'B'.

Ekspo akan berlangsung bermula hari ini hingga 29 Ogos nanti dibukakan bermula jam 8.00 pagi hingga 6.00 petang.

Ekspo tersebut merupakan anjuran Bahagian Institusi Mukim dan Kampung, Jabatan DBM; Bahagian Reintegrasi Jabatan Penjara; Jawatankuasa Aftercare; Bahagian Pembangunan Mualaf Pusat Da'wah Islamiah dan disokong sepenuhnya oleh Riza Group.

Pada majlis itu, rakan seliaan juga menerima bantuan berupa mesin pemotong kayu dan mesin pemotong rumput dari Syarikat Hajam yang disampaikan bersama oleh tetamu kehormat dan Pengurus syarikat berkenaan, Awang Haji Wan Mohd. Yali bin Haji Wan Derus kepada Pengerusi Jawatankuasa Aftercare, Awang Haji Mustaffa bin Haji Masri.

Antara objektif ekspo jualan diadakan bagi mengetengahkan produk-produk 1K1P yang berdaftar di bawah Jabatan DBM dan produk-produk rakan seliaan dari Jabatan Penjara.